

**NO. SOALAN : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
JOSEPH PAIRIN KITINGAN [ KENINGAU ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2014**

**SOALAN :**

**YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan memandangkan bahawa industri pelancongan amat penting untuk peningkatan ekonomi dan peluang pekerjaan seluruh negara, khususnya di negeri Sabah, apakah langkah-langkah dan program-program yang telah dirancang oleh pihak Kementerian untuk melibatkan kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sabah, khususnya di kawasan Parlimen Keningau untuk tahun 2015 dan seterusnya supaya perkembangan dan manfaat daripada industri pelancongan akan dinikmati oleh rakyat Malaysia, khususnya di kawasan Keningau.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sentiasa terbuka dalam menerima sebarang cadangan serta maklumbalas dari Kerajaan Negeri terutamanya dalam menjayakan program dan produk pelancongan Negeri Sabah termasuk kawasan Parlimen Keningau. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah mengalui-alukan cadangan dari setiap daerah melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pelancongan Daerah di peringkat daerah masing-masing bagi memajukan industri pelancongan khususnya di kawasan Keningau.

Kementerian juga turut memperkenal serta melaksanakan Program **1Malaysia Voluntourism** dimana program ini merupakan salah satu inisiatif dibawah **Strategi Lautan Biru Kebangsaan** atau **NBOS**. **Volunteer Tourism** atau **Voluntourism** ini secara umum bermaksud melaksanakan aktiviti sukarelawan secara santai bagi tujuan memelihara serta menjaga kebersihan dan kehijauan alam sekitar khususnya di kawasan tumpuan pelancong seperti di kawasan pantai, taman, pusat rekreasi, pusat konservasi haiwan dan termasuk juga Homestay yang terletak di kawasan luar Bandar. Terdapat sebanyak 68 aktiviti yang melibatkan seramai 12,887 orang sukarelawan telah dilaksanakan sepanjang Januari hingga Ogos 2014. Daripada jumlah itu, sebanyak dua (2) aktiviti telah dilaksanakan di negeri Sabah iaitu di Kundasang dan Kota Kinabalu yang melibatkan seramai 207 orang sukarelawan.

Pada tahun 2015, terdapat perancangan untuk melaksanakan program ini di kawasan-kawasan lain di Sabah seperti Tawau, Kota Belud, Sandakan termasuk juga kawasan Keningau.

Kementerian sedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan pembangunan pelancongan domestik dan antarabangsa di kawasan Parlimen Keningau sekiranya bersesuaian bagi memastikan produk pelancongan di Sabah dapat dibangunkan dan memberi faedah kepada masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 22**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD  
[ KOTA RAJA ]**

**TARIKH : 17 November 2014 ( Isnin )**

**SOALAN :**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [ Kota Raja ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan bilakah Akta Hasutan 1948 akan  
dimansuhkan.**

**JAWAPAN: PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [Akta 15] dan menggantikannya dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.
2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.
3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.